

12/02/2000

Unctad X forum untuk negara membangun nyata kekecewaan

Manja Ismail in Bangkok

SEJAK dua hari lalu, jalan-jalan Rama IV, Ratchadapisek, Sukhumit dan Ploenchit, di Bangkok yang menuju atau melalui kawasan Pusat Konvensi Queen Sirikit, tempat sesi ke-10 Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad X) dikawal ketat.

Selain memudahkan perjalanan perwakilan dari 180 negara anggota, termasuk ketua-ketua kerajaan, pihak berkuasa Thailand terpaksa memberikan kawalan keselamatan yang ketat bagi memastikan persidangan antarabangsa pertama pada alaf baru itu tidak diganggu oleh rusuhan seperti yang berlaku ketika mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Seattle, Disember lalu.

Rabu lalu, aktivis antiglobalisasi mengeluarkan kenyataan mencabar Unctad X memastikan wujud kesamarataan antara negara maju dan membangun serta meminta kuasa ekonomi dunia berhenti 'merampas hak-hak demokrasi melalui institusi-institusi global'. Kenyataan itu dikeluarkan bagi pihak 120 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari 40 negara yang mengadakan persidangan sempena Unctad X di sini.

Selain itu sekurang-kurangnya 500 ahli NGO tempatan yang menamakan diri mereka Forum Golongan Miskin berikrar tidak akan mengendahkan sekatan polis di jalan masuk pusat persidangan. Sebaliknya mereka merancang berkumpul berhampiran pusat persidangan supaya "kami tahu apa yang diperolehi oleh rakyat Thai selepas kerajaan membelanjakan 239 juta baht menjadi tuan rumah persidangan ini".

Bagaimanapun, bukan kerana ancaman tunjuk perasaan itu yang menjadikan Unctad X ini menarik perhatian dunia. Yang menjadi perhatian utama ialah sejauh manakah Unctad X akan menjadi penyelamat kepada sistem perdagangan pelbagai hala selepas mesyuarat WTO yang gagal di Seattle dahulu melebarkan lagi jurang di kalangan 134 negara anggotanya.

Pemilihan Thailand sebagai tuan rumah persidangan ini dianggap sebagai simbol kepada kesan buruk globalisasi ke atas negara membangun. Thailand adalah negara Asia pertama yang menghadapi krisis ekonomi, yang sebahagian besarnya angkara liberalisasi terburu-buru dan kemasukan modal tanpa kawalan.

Sejak krisis tiga tahun lalu itu, banyak negara membangun termasuk Thailand dan Malaysia teragak-agak untuk mempertaruhkan ekonomi mereka yang belum pulih sepenuhnya dalam kerangka perjanjian perdagangan dunia. Mereka turut bimbang dengan membuka pasaran sepenuhnya secara terburu-buru akan melambatkan lagi proses pemulihan.

Dengan kata lain, apakah agenda persidangan kali ini, yang banyak menyentuh isu-isu globalisasi dan liberalisasi perdagangan boleh mengubah pendirian negara maju dalam WTO?

Kegagalan mesyuarat WTO di Seattle disebabkan anggota dari negara membangun tidak dipanggil dalam perbincangan bagi menentukan dasar-dasar ekonomi global. Globalisasi dan liberalisasi perdagangan ternyata hanya indah khabar tetapi semakin menekan negara-negara kecil.

Ini kerana WTO dikuasai oleh negara maju, khususnya Amerika Syarikat dan Eropah, yang sememangnya tidak mungkin tunduk dengan mudah kepada tuntutan negara membangun. Itulah sebabnya beberapa negara Afrika, akibat terlalu marah kerana tidak diajak menyertai beberapa sesi perbincangan di Seattle Disember lalu, mengancam untuk keluar dari pertubuhan itu.

Begitupun, negara kecil dan membangun tidak mempunyai pilihan lain kecuali menerimanya kerana percaya perdagangan bebas boleh membantu mereka

membangun dan berdiri sama tinggi dengan negara maju.

Justeru, Unctad X selama seminggu bermula hari ini akan menjadi forum negara membangun menyatakan kekecewaan mereka itu dan mendesak supaya beberapa perjanjian dalam WTO yang dirasakan tidak adil, dikaji semula.

Selepas berdekad lamanya pintu perbincangan yang menentukan arah perdagangan dunia ditutup kepada negara membangun, mereka kini tidak mahu lagi diketepikan.

"Kita akan cakap mengenai perdagangan dan pembangunan yang mana ini nampak terjejas di kalangan negara membangun kerana mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan globalisasi dan liberalisasi perdagangan.

"Mereka nampak terlalu banyak perbadanan yang besar sudah bergabung, menjadi lebih besar dan mereka tidak tahu apa kesannya kepada mereka," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai apa yang akan disuarakan oleh Malaysia di Unctad kali ini.

Sebelum Unctad dirasmikan Rabu lalu, Dr Mahathir bersama pemimpin Asean lain, telah mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan dan Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi. Jepun dikatakan mengambil kesempatan itu bagi mendapatkan pandangan pemimpin Asean untuk dibawa ke mesyuarat G-8 di Okinawa tidak lama lagi.

Setahun lalu, Annan mengiyakan kebimbangan yang pernah beberapa kali disuarakan oleh Dr Mahathir bahawa globalisasi mungkin tidak memanfaatkan semua negara. Deraf laporan untuk Unctad kali ini mengesahkan kebimbangan itu. "Jurang pendapatan negara maju dengan membangun semakin lebar. Banyak negara membangun tidak mampu mengecapi faedah daripada proses globalisasi. Mereka menghadapi risiko untuk dipencilkan lagi," kata laporan itu.

Laporan itu menyatakan banyak pengurangan tarif oleh WTO menguntungkan negara industri, manakala sejumlah besar barangan keluaran negara membangun masih dihalang dengan tarif yang tinggi.

Berdasarkan latar belakang inilah, ramai menaruh harapan agar Unctad X menjadi forum di mana negara-negara membangun dapat bersatu untuk membentuk satu sistem perdagangan dunia yang memberikan mereka peluang lebih besar.

Setiausaha Agung Unctad, Rubens Ricuperro memberi jaminan, persidangan kali ini memberi peluang kepada negara anggota untuk melahirkan pandangan secara tertib bagaimana untuk menyelesaikan masalah akibat globalisasi.

"Matlamat utama kita ialah menyediakan keselamatan dan pembangunan melalui perkongsian ilmu," katanya sambil menambah, penilaian semula perlu dilakukan segera terhadap proses dan mekanisme yang menjejaskan fungsi ekonomi dunia supaya ia lebih sama rata serta mampu menghadapi kesan globalisasi.

Turut menghadiri persidangan itu ialah Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn dan Pengarah Urusan Tabung mata Wang Sedunia yang akan bersara, Michel Camdessus. Bagaimanapun yang sah tidak akan hadir ialah pegawai kanan negara maju. Delegasi Amerika Syarikat misalnya hanya diketuai oleh Timbalan Pentadbir Agensi Pembangunan Antarabangnya, Harriet C Babbitt.